

Proses Pemahaman daripada Perspektif Metakognitif dalam Kalangan Pelajar Universiti

Yahya Othman*, Ghazali Mustapha, Roselan Baki dan Shamsuddin Ahmad

Department of Language and Humanities Education, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

**Emel: yahya@educ.upm.edu.my*

ABSTRAK

Pemahaman teks merupakan matlamat utama yang ingin dicapai dalam proses membaca. Bagi pelajar universiti, keupayaan memahami teks selalunya dikaitkan dengan bidang pengajian mereka. Dengan menggunakan pemikiran kritis dan analitis, pelajar selalunya mempunyai perspektif yang berbeza-beza tentang penggunaan metakognisi semasa membaca. Sesetengah pelajar menghadapi masalah dalam membina kefahaman ketika membaca teks dan mereka juga menghadapi kesukaran untuk menggunakan strategi membaca secara spesifik. Kajian ini dijalankan untuk meneliti perspektif pelajar universiti terhadap proses pemahaman teks dengan menggunakan pendekatan kajian secara kualitatif. Lapan orang pelajar yang mengikuti program bachelord pendidikan menyertai kajian ini. Data kajian diperoleh melalui temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Dapatan kajian mendapati pelajar mempunyai perspektif metakognisi yang pelbagai dalam menterjemahkan keupayaan pemahaman terhadap teks. Perbezaan perspektif juga dipengaruhi oleh strategi membaca yang digunakan, tahap keupayaan teks, jenis teks, dan persepsi responden terhadap teks yang dibaca.

ABSTRACT

Comprehending text would be the major aim in a reading process. For students at tertiary levels, the ability to comprehend is normally associated with their field of study. By applying critical and analytical thinking, students would normally have various perspectives about the application of metacognition in reading. Some students face difficulty in developing comprehension while reading text and they also find it difficult to apply specific reading strategy. This study is conducted to examine the perspective of university students about text comprehension using a qualitative research approach. Eight students enrolled in the bachelor in education programme participate in this study. Data was obtained through interviews, document analysis, and classroom observation. The findings indicate that students have various meta-cognition perspectives in interpreting comprehension ability of a text. The difference in perspective is also influenced by the reading strategies used, the level of text difficulty, type of text and students' perception of the text read.

Kata kunci: Membaca, metakognitif, teks akademik

PENDAHULUAN

Membaca adalah gerbang kepada pembelajaran dan bersesuaian dengan tuntutan ke arah pembentukan masyarakat bermaklumat. Kebolehan membaca akan membantu penguasaan ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan kepada

pelajar. Dalam konteks pembelajaran di institusi pengajian tinggi, proses membaca yang dilalui pelajar bukan sekadar untuk memahami teks secara literal tetapi juga pada tahap inferensial. Untuk mencapai tujuan tersebut, pembaca tidak sekadar memahami secara eksplisit tetapi

Received: 15 June 2007

Accepted: 15 April 2008

*Corresponding Author

menganalisis makna teks secara mendalam (Walker, 2000).

Membaca bukan sekadar menunjukkan keupayaan menyatakan secara verbal perkataan yang terdapat di dalam teks, tetapi merangkumi keperluan pembinaan makna melalui inferens dan interpretasi teks (Pearson, 1985). Menurut Pearson lagi, proses membaca dikaitkan dengan revolusi pemahaman (*the comprehension revolution*). Untuk mencapai tujuan tersebut, perubahan paradigma terhadap membaca perlu dilakukan iaitu daripada pandangan tradisional membaca yang berasaskan behaviorisme kepada yang lebih komprehensif dengan penekanan kepada kognitif.

Sehubungan itu, proses membaca menekankan penguasaan sesuatu maklumat yang diperoleh daripada teks dengan matlamat akhirnya untuk difahami. Untuk memahami teks dengan baik, pembaca perlu memiliki sejumlah pengetahuan lalu yang tersimpan di dalam ingatan jangka panjang yang diorganisasikan melalui pemprosesan maklumat (Woolfolk, 2004). Di samping itu, pembaca yang lebih matang lebih berkebolehan untuk membina makna dan faktor ini juga mempengaruhi pemahaman mereka (Dagostino dan Carifio, 1994). Hal ini disebabkan kebolehan membina makna dalam pemahaman sering dikaitkan dengan aspek kognitif yang secara umumnya melibatkan kebolehan pembaca mengawal proses membaca.

Metakognitif dalam Membaca

Sejak dua dekad yang lalu, perbincangan secara teoretikal dan eksperimental tentang metakognitif merupakan tema popular dalam penyelidikan berkaitan membaca (Flavell, 1976; Brown, 1985; Garner, 1987; Larson *et al.*, 2004).

Konsep metakognitif dianggap kabur dan sukar untuk diterjemahkan (Flavell, 1981; Berkowitz dan Cicchelli, 2004). Secara umumnya, metakognitif dapat diperjelaskan dengan mengemukakan soalan-soalan bagi tujuan menghuraikan perkara tersebut seperti; "Apakah langkah-langkah yang anda fikirkan untuk mencari punca berlakunya proses tersebut?"; "Bagaimanakah anda membezakan antara perenggan pertama dengan perenggan kedua?"; "Mengapakah anda menggunakan kaedah membaca tersebut?"; "Adakah anda berpuas hati dengan jawapan yang diperolehi?" (Devine, 1993; Boulware-Gooden *et al.*, 2007).

Metakognitif berkaitan pemikiran seseorang tentang sesuatu. Perbincangan tentang cara

seseorang berfikir tentang berfikir (*thinking about thinking*) telah mula diperkatakan sejak zaman Plato dan Aristotle. Sehubungan itu, Flavell (1976) telah memperkenalkan konsep berfikir atau mengawal cara dan proses belajar. Seterusnya Flavell mengembangkan aspek ini dengan mengemukakan teori metamemori untuk menjelaskan perkembangan bahasa kanak-kanak dan strategi mengaplikasikan untuk mengingat kembali. Dalam hubungan ini, kanak-kanak didapati gagal untuk mengaplikasikan strategi mengingat kembali maklumat disebabkan kekurangan kesedaran terhadap usaha untuk membentuk proses mengingat kembali yang efektif.

Walaupun terminologi metakognitif adalah baru, konsepnya telah lama diketahui dan diguna pakai. Penyelidik-penyelidik telah menyedari bahawa membaca meliputi aktiviti merancang, memeriksa dan menilai yang berkaitan dengan kemahiran metakognitif (Houtveen dan Grift, 2007). Kajian tentang pengetahuan metakognitif dan kaitannya dengan tingkah laku membaca kebelakangan ini berfokus kepada tiga pemboleh ubah utama iaitu pemboleh ubah personal, pemboleh ubah tugasan dan pemboleh ubah strategi (Carreker, 2004).

Konsep metakognitif juga secara umumnya terhasil berdasarkan teori pemprosesan maklumat (Anderson, 1991). Menurut beliau, dalam memproses maklumat, metakognitif berperanan untuk mendapatkan maklumat yang diakses dengan lebih bermakna dan pembaca sadar berlakunya proses mendapatkan maklumat tersebut. Semasa membaca, pembaca akan melakukan proses mengenal dan mentafsirkan maklumat secara bersistem serta menggunakan prosedur yang telah biasa digunakan. Penggunaan metakognitif dapat membantu pembaca membina model proses pengawalan kognitif dengan strategi yang bersifat fungsional dalam penyelesaian masalah (Woolfolk, 2004).

Pernyataan Masalah

Pemahaman membaca merupakan asas kepada kejayaan pembaca meneroka ilmu yang terkandung di dalam sesebuah teks. Masalah yang sering dihadapi oleh pembaca ialah kurangnya penguasaan dari segi konsep dan proses pemahaman yang berlaku semasa membaca. Hal ini wujud disebabkan pembaca sering membuat andaian bahawa membaca merupakan proses yang berlaku secara automatik dan pemahaman akan wujud serentak dengan

pembacaan (Peeverly *et al.*, 2002). Bagi pelajar universiti, masalah strategi untuk memahami teks terutama yang di luar bidang pengajian sering mengganggu kelancaran pemahamannya. Di samping itu, pelajar sering tidak memiliki strategi pemahaman yang tekal semasa menghadapi teks akademik. Hal ini menyebabkan pembaca tidak aktif dalam meneroka kandungan teks dengan lebih komprehensif.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji proses pemahaman membaca daripada perspektif metakognitif dalam kalangan pelajar universiti

Soalan Kajian

Bagaimanakah pembaca menggunakan strategi metakognitif dalam proses pemahaman teks?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, dan penulisan jurnal. Pertimbangan penggunaan pendekatan ini dibuat berdasarkan kesesuaiannya dengan objektif dan soalan kajian. Kajian berkaitan proses dan amalan membaca pelajar perlu dihuraikan berdasarkan pelbagai realiti dalam latar yang sebenarnya.

Dalam kajian ini, responden terdiri daripada lapan pelajar di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Mereka merupakan pelajar Melayu yang sedang mengikuti kursus Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama) secara sepenuh masa sebagai persediaan untuk menjadi guru yang berkelayakan. Mereka dinamakan sebagai R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, dan R8.

Pengkaji menggunakan dua buah teks untuk dibaca oleh responden kajian. Teks pertama bertajuk Jati Diri Melayu pada Alaf Baru ditulis oleh Hassan Ahmad. Teks tujuh muka ini surat mengandungi 1584 patah perkataan dengan 28 paragraf. Teks berdasarkan satu ucapan yang beliau sampaikan kepada pelajar-pelajar universiti dan disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 24 Ogos 2003. Teks kedua pula bertajuk Perdagangan yang Lebih Bebas atau Perlindungan Perdagangan? ditulis oleh Wong Hock Tsen. Teks tersebut disiarkan dalam majalah *Dewan Ekonomi* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada bulan Julai 2003 yang mengandungi 641 patah perkataan dan terkandung dalam lapan perenggan.

Data yang diperoleh dianalisis berasaskan transkrip temu bual yang dikategorikan kepada aspek yang berkaitan strategi metakognitif yang digunakan oleh responden. Pengkaji juga membuat interpretasi data daripada pemerhatian dan penelitian dokumen jurnal respons membaca. Data juga dianalisis secara triangulasi dengan mengambil kira data daripada temu bual, pemerhatian dan penulisan jurnal.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji membincangkan strategi metakognitif yang digunakan oleh responden semasa membaca teks.


Strategi Metakognitif dalam Pemahaman Teks

Antara strategi yang digunakan oleh responden semasa membaca ialah berasaskan perancangan, pemantauan dan penilaian. Bagi setiap strategi yang digunakan, responden memberikan justifikasi yang dianggap bersesuaian dengan diri mereka. Pernyataan yang diberikan oleh responden semasa temu bual memberikan gambaran yang mereka menggunakan strategi tersebut pada masa membaca teks ketika itu. Oleh itu, faktor-faktor seperti jenis teks, minat, keupayaan membuat taakulan terhadap isi teks serta skemata yang sedia dimiliki oleh responden tersebut telah dikenal pasti. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mengkategorikan strategi metakognitif seperti yang dinyatakan oleh responden kajian berdasarkan temu bual. Strategi metakognitif yang digunakan oleh responden dibahagikan kepada kategori yang disarankan oleh Beyer (1982) dan Oxford (1990) dalam Ghazali Mustapha (1998) seperti dalam *Rajah 1*.

Peringkat pelaksanaan strategi membaca boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu peringkat perancangan, pemantauan, dan penilaian membaca. Seterusnya, akan dibincangkan dapatan berkaitan pelaksanaan strategi tersebut.

(i) Perancangan membaca

Perancangan yang dilakukan sebelum membaca mempengaruhi pemahaman teks pembaca. Kesedaran sendiri melibatkan sejauh mana responden kajian sedar terhadap tujuan membaca, keupayaan memahami berdasarkan kekuatan, kelemahan, pengetahuan sedia ada, dan minat. Responden kajian sedar sama ada isi teks yang dibaca berkaitan dengan minat dan kegemarannya atau sebaliknya. Di samping itu, responden juga



Rajah 1: Strategi metakognitif dalam proses membaca berdasarkan kategori oleh Beyer (1982) dan Oxford (1990)

membuat pengubahsuaian dari segi isi kandungan agar wujud persefahaman antara pemahaman responden dengan kandungan teks yang dibaca. Perbincangan dapatan kajian berkaitan kesedaran sendiri meliputi tujuan membaca, merancang pembacaan, keupayaan sendiri dan pengetahuan sedia ada.

Responden kajian (R1) sedar akan pentingnya pembaca mempunyai tujuan membaca yang jelas agar proses membaca berlangsung dengan lebih berkesan. Proses membaca yang dilalui dengan terancang memberi kesan terhadap kualiti pemahaman. Dapatan kajian menunjukkan responden kajian dapat menyatakan tujuan mereka membaca teks dengan jelas (R2).

Strategi merancang bacaan sesuai dengan keperluan sendiri pelajar untuk memastikan pemahaman dapat dikuasai dengan baik. Dalam hal ini, sebelum membaca, R2 menetapkan matlamat yang khusus. Ia merancang agar pembacaan yang boleh membantunya memahami teks yang sukar dengan lebih mudah. Bagi R5 pula, ia agak berhati-hati apabila membaca teks

yang sukar difahami. Ia beranggapan merancang bacaan sebagai keperluan dalam pemahaman.

Antara strategi metakognisi yang digunakan dalam merancang bacaan ialah menulis idea penting.

Menulis Idea Penting

Pembaca teks akademik menggunakan strategi ini secara meluas dan memberikan kesan terhadap pemahaman. Pemilihan idea penting daripada teks memerlukan pembaca membaca dengan teliti dan mampu membentuk skema dalam ingatan jangka panjang. Oleh itu, kekuatan responden mengenal pasti kepentingan isi menunjukkan mereka sedar bahawa ayat yang dipilih dengan menggunakan kekuatan kognisi memandu pembaca memahami teks dengan lebih baik. Contohnya responden memikirkan pentingnya idea penting teks untuk membantu pemahaman.

“saya dapati isi penting perlu disediakan dahulu.” (R2)

“adanya isi penting dapat bantu buat rangka pemahaman” (R4)

JADUAL 1
Merancang kesedaran sendiri

Kesedaran Kendiri	Dapatan Kajian
Tujuan membaca	“Pensyarah pula meminta kami merujuk buku, jurnal dan bahan yang berkaitan. Pensyarah ingin menjadikan tugas yang dibuat lebih bersifat akademik...saya sedar pentingnya nak faham teks itu.” (R1) “Saya akan menuliskan apakah yang saya akan mahu dari teks tersebut. Selalunya saya membuat catatan ringkas saja.” (R2)
Berhati-hati dengan teks	“Saya akan buat soalan seperti apakah yang dimaksudkan tentang jati diri, globalisasi dan sebagainya. Soalan yang dikemukakan dapat membantu saya.” (R5)

(ii) Pemantauan ketika membaca

Dapatan kajian menunjukkan responden memantau kesedaran teks semasa membaca berdasarkan kesedaran tugas teks. Memantau kesedaran teks dikaitkan dengan keupayaan pembaca mengenal pasti dan memahami kosa kata dan ejaan yang digunakan di dalam teks. Dalam hal ini, responden kajian menyedari keperluan memahami kosa kata dan ejaan yang terdapat di dalam teks.

Kosa kata di dalam sesebuah teks berperanan sebagai medium bagi menerangkan kandungan teks yang dibaca (Carreker, 2004). Kosa kata terutama kata pinjaman yang sukar difahami mengakibatkan responden kajian (R6) menyedari akan sukarnya memahami teks tersebut dengan baik. Berdasarkan pembacaan teks, responden kajian menyatakan teks kedua agak sukar difahami disebabkan kosa kata yang digunakan banyak merujuk kepada laras bahasa ekonomi. Dapatan kajian berkaitan kesedaran teks tersebut dinyatakan seperti di bawah.

“Saya tak berapa faham perkataan globalisasi.” (R5)

“Saya tahu perkataan itu memang pernah dengar tapi tak tahu nak terangkan.” (R6)

“Dari segi perkataan memang boleh faham. Tapi perkataan baharu saya dengar dari kata pinjaman susah nak faham.” (R7)

Responden juga mendapati aspek pemantauan teks dapat memberikan kesan yang lebih mendalam terhadap kualiti pemahaman membaca. Pemantauan bacaan meletakkan tugas pembaca semakin mencabar kerana pembaca perlu meletakkan dirinya sebagai peneliti yang cekap bagi menentukan sejauh mana pembacaan

yang dilakukan berada pada landasan yang betul. Maksudnya, pembaca perlu sedar bahawa proses membaca yang dilaluinya membantunya mengecam maksud teks di samping dapat memberikan klu yang sesuai jika pembaca tidak dapat menguasai teks dengan baik (Kobayashi, 2002). Kobayashi menekankan perlunya pembaca teks menyediakan diri dengan jawapan yang tepat apabila berhadapan dengan soalan yang dikemukakan. Maka bagi memastikan pemahaman dapat dikawal, pembaca perlulah memantau pembacaannya.

Pemantauan bacaan bukan sahaja berkaitan cara untuk mendapatkan maklumat yang terkandung tetapi juga dapat mengesahkan sama ada pembacaan dapat memberikan kesan dari aspek kognitif. Semasa pemantauan membaca, pembaca perlu cekap menyesuaikan tahap kesukaran dan kepanjangan kandungan teks dengan pengalaman membaca yang diterima semasa di alam persekolahan (Francine, 2002). Hal ini disebabkan pemantauan bacaan akan menjadi lebih berkesan jika pembaca berupaya menjadikan teks yang dikaji bersesuaian dengan tugas yang diberikan. Dalam konteks kajian ini, responden kajian tidak bersedia dengan keperluan literasi akademik yang telah diterima dan ini memberi kesan terhadap pengajian.

Bagi kebanyakan pembaca, mereka tidak membuat persediaan yang lengkap bagi melayakkan mereka menguasai literasi akademik yang merupakan ciri asas dalam penulisan kerja kursus peringkat universiti (Berkowitz dan Cicchelli, 2004). Menurut mereka, pembaca perlulah didedahkan dengan strategi yang sesuai bagi membantu pelajar menguasai pembelajaran dengan baik. Oleh itu, peranan yang lebih

komprehensif juga perlu dimainkan oleh pihak sekolah dalam mengajarkan kemahiran yang bersifat generik untuk memastikan wujudnya kesinambungan dalam penguasaan dan penggunaan kemahiran belajar.

Berdasarkan dapatan kajian, antara strategi yang digunakan oleh responden dalam memantau pembacaannya dapat dikategorikan kepada strategi mengulang bacaan, merujuk kamus, dan membuat peta minda.

Mengulang Bacaan

Strategi mengulang bacaan dilakukan oleh responden kajian untuk tujuan memahami teks yang dibaca seperti yang dinyatakan di bawah;

“Berulang, ...magnanya dengan mengulang tu boleh membantu untuk memahaminya.” (R1)

“Sekiranya kita mengulang balik, atau membaca balik... saya fikir dapat tangkap maksudnya.” (R6)

“Yang ni faham ... err... tapi kurang ... err.. kurang kenalkena baca banyak kali untuk dapat maksudnya.” (R4)

“Tapi ada dalam lindungan perdagangan ini ada benda yang saya tak faham. Jadi, ada kesan juga pada bacaan saya. Saya terpaksa ulang balik petikan yang mana yang ada perkataan yang susah tu.” (R8)

Mengulang bacaan dilakukan oleh responden kajian untuk memahami kandungan teks dianggap sukar. Responden kajian membaca ayat yang mengandungi perkataan sukar beberapa kali tetapi masih lagi tidak memahaminya disebabkan tidak pernah mendengarnya ataupun tidak dijelaskan di dalam ayat tersebut (R4, R5, dan R8). Kesukaran memahami sesuatu fakta yang melibatkan istilah serta konsep memerlukan mereka mengaitkan dengan pengetahuan lalu (R5).

Pada tahap pelajar universiti, ia masih perlu melakukan ulangan bacaan terutama apabila sedar sukar untuk memahami teks yang dibaca. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik mengulangi bacaan sesuai dilaksanakan untuk membantu pemahaman. Marzano *et al.* (1988) menyatakan bahawa kekuatan pemahaman pembaca dapat dilihat sejauh mana proses itu dikawal dengan melibatkan penguasaan pengetahuan dan kawalan sendiri. Kesedaran untuk menguasai kandungan teks akademik serta

kemampuan untuk mengawal proses tersebut dapat mempengaruhi pemahaman pembaca terutamanya dalam menggunakan strategi pengulangan.

Menggunakan Kamus

Pengkaji juga membahagikan strategi merujuk kamus sebagai salah satu strategi metakognitif yang digunakan oleh responden kajian. Mereka menyatakan bahawa;

“Selalunya nak juga tengok kamus.” (R4)

“Saya nak kena ambil kamus atau tanya kawan. Kadang-kadang kawan pun tak faham. Tapi teks pertama lebih susah panjang pulak tu.” (R3)

Pada pemerhatian pengkaji, terdapat beberapa responden kajian yang menggunakan kamus untuk mencari makna perkataan yang dianggap sukar. Pemerhatian menunjukkan R2, R5 dan R7 menggunakan kamus untuk merujuk makna perkataan yang memang tidak dapat difahami. Berdasarkan jurnal respons membaca pula, responden kajian (R1, R4, R7, dan R8) juga telah menuliskan strategi menggunakan kamus sebagai cara yang paling sesuai untuk mereka memahami perkataan yang sukar.

Bagi Ormrod (1995), pembelajaran yang efektif termasuk membaca, memerlukan kesedaran yang tinggi terhadap masalah pembelajarannya. Jika bertemu dengan perkataan yang sukar, walaupun memerlukan masa untuk memahami perkataan tersebut pembaca perlukan kesedaran untuk mengetahui maksud perkataan tersebut.

Peta Minda

Responden kajian menekankan penggunaan peta minda bagi memantapkan penguasaan pemahamannya. Kebanyakan responden kajian (R1, R2, R3, dan R5) mengakui akan keberkesanan menggunakan peta minda. Penggunaan peta minda dapat menggambarkan bacaan secara aktif dan galakan berfikir secara kritis. Apabila pembaca berhadapan dengan maklumat yang banyak dalam teks, ia perlu menyatakan semula dalam bentuk pemahaman secara keseluruhan dan cara terbaik ialah melakarkan dalam bentuk peta minda.

“Peta minda membantu saya memahami keseluruhan teks dengan mudah.” (R3)

“Walaupun susah tapi peta minda dapat tolong saya buat gambaran keseluruhan.”

(R2)

Melangkau Ayat

Responden juga sedar akan kepentingan strategi melangkau ayat yang terdapat dalam teks yang sukar difahami (R3, R4, R5, R6, dan R7). Tidak semua ayat yang terdapat di dalam teks yang dibaca dapat difahami terutama jika terdapat beberapa perkataan yang sukar atau konsep yang baru ditemui. Dalam keadaan tertentu responden tidak akan melangkau bacaan jika teks yang dibaca berbentuk fakta kerana dikhuatiri akan mengurangkan penguasaan maksud teks. Dapatan kajian di bawah menunjukkan kesedaran responden terhadap strategi metakognitif melangkau ayat.

“Saya tak langkau...lagi tak faham. Banyak isi yang tinggal.” (R7)

“Tapi kalau sajak tu, saya akan abaikan. Maksudnya lagi tak fahamlah. Saya tak boleh *skip* semasa membaca dengan laju. Tengok jugaklah bahan yang dibaca. Jika teks itu berat nak faham, saya kena tumpukan lebih satu aspek.” (R3)

“Saya tak langkau ayat yang susah.” (R5)

“Saya jarang langkau ayat. Tapi kalau susah sangat mungkin juga...”(R6)

“Ia bergantung kepada keadaan, kalau saya baca untuk jawab soalan keatau wajib ... saya tak akan melangkau ...”(R4)

Walau bagaimanapun, terdapat responden kajian (R3) menyatakan strategi melangkau ayat

tidak membantu mereka dalam meningkatkan pemahaman. Mereka berpendapat strategi tersebut boleh mengganggu keseluruhan pemahaman mereka.

“...contohnya teks tentang perdagangan tadi. Istilah yang saya tidak faham ada. Setelah saya baca banyak kali, maka saya akan langkau sahaja. Tak faham pun tak mengapa. Boleh mengganggu kita punya pemahaman.” (R3)

Strategi yang diambil masih lagi mengaitkan kesedaran metakognitif pembaca untuk mentafsirkan perkataan yang sukar dalam wacana yang dapat difahami. Keadaan ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh McLain *et al.* (1991) yang menghuraikan bahawa pemahaman perkataan (*word comprehension*) bagi teks merangkumi antonim, sinonim, dan analogi. Penguasaan aspek tersebut dapat membantu pembaca dalam pemahamannya.

(iii) Penilaian bacaan

Responden kajian juga menilai tahap kefahaman kesedaran tugasannya terhadap teks yang dibaca. Menilai kesedaran tugas meliputi tugas dan arahan yang perlu dilakukan pembaca semasa membaca. Kesedaran tersebut membantu responden memahami teks yang dibaca. Jadual 2 menunjukkan contoh kesedaran tugas yang ditunjukkan oleh responden kajian.

Dapatan di atas menunjukkan wujudnya kesedaran terhadap tugas semasa membaca

JADUAL 2
Menilai kesedaran tugas

Kesedaran Tugas	Dapatan Kajian
Tetapkan matlamat	<p>“Saya rasa ia tidak perlukan objektif yang khusus, kalau bahan - bahan yang ilmiah itu...kita kena sedar apa yang kita nak fahamkan.”(R5)</p> <p>“Jadi, matlamatnya mungkin saya dapat tahu mengikut isu semasa yang berlaku tapi .. setkan apa yang kita nak cari dari teks ni.”(R8)</p>
Perlu memahami	<p>“Sebab kalau tak baca...macam mana nak jawab soalan peperiksaan.”(R8)</p> <p>“kita sepatutnya kena tahu apa maksud perdagangan malar tu. Kat sini, dia jelaskan, ...perdagangan bebas okeylah kita boleh tahu sebab kita, sebab kita boleh tahu sebab kita biasa dengar.”(R7)</p>

teks. Hal ini menunjukkan responden mengambil berat terhadap aspek yang perlu dikuasai supaya mereka memahami dengan lebih berkesan. Dalam hal ini, bagi R5, ia tidak perlu menetapkan sesuatu objektif dengan jelas sebelum membaca dan mereka perlu sedar matlamat membaca teks secara tidak langsung. Hal ini menunjukkan wujudnya keperluan bagi responden memikirkan matlamat pemahaman bacaannya.

Persoalan yang ditimbulkan pada peringkat ini ialah cara pembaca mengukur kejayaan pemahaman bacaannya. Semasa membaca, pembaca juga akan melakukan aspek penilaian yang juga merupakan unsur penting dalam pelaksanaan strategi metakognitif (Carroll, 2000). Untuk menilai, pembaca memerlukan alat penilaian yang boleh digunakan bagi memastikan teks tersebut dapat dimanfaatkan dengan baik atau sebaliknya. Penentuan penilaian pemahaman boleh dilakukan secara lisan atau bertulis. Dalam kajian ini, responden menyatakan bahawa semasa membaca mereka juga melakukan penilaian terhadap teks yang dibaca.

Antara strategi metakognitif yang melibatkan aspek penilaian dalam membaca ialah membuat andaian, mempertahankan pemahaman dan bayangan mental.

Membuat Andaian

Di samping itu, responden kajian juga menggunakan strategi metakognitif semasa membaca teks dengan membuat andaian berasaskan teks yang dibaca. Dengan cara ini, responden dapat membuat agakan maksud yang paling hampir berasaskan kesukaran yang dihadapi. Kebanyakan responden membuat andaian ketika membaca teks yang berbentuk naratif yang memberi peluang untuk menjangkakan kesudahan cerita.

“Kalau saya baca novel, saya akan agak akhir cerita tu.” (R3)

“Saya akan andaikan contohnya bila baca cerita.” (R8)

“Jika baca novel saya selalu memikirkan penamat cerita ...apa sudahnya.” (R4)

Selain itu, strategi mengandaikan juga digunakan oleh responden untuk tujuan memahami teks jenis fakta. Walau bagaimanapun, ada responden menyatakan agak sukar untuk membuat andaian bagi teks yang berbentuk fakta serta bersifat teknikal seperti pada teks kedua.

“Dalam petikan ni dia ada macam diterangkan tetapi fokusnya luas. Saya buat andaian dalam

fokus itu sendiri.” (R7)

“Saya andaikan teks yang dibaca tadi sesuai dengan orang Melayu.” (R2)

Mempertahankan Pemahaman

Dalam proses mengingat kandungan teks, responden kajian (R5 dan R6) membaca untuk mempertahankan pemahaman bacaannya agar dapat memudahkannya mengingat fakta yang terkandung di dalam teks.

“saya akan mengingat kandungan teks supaya sesuai dengan keperluan tugasan.” (R5)

“pemahaman yang wujud saya akan berikan tumpuan agar berguna semasa peperiksaan.” (R6)

Pembaca berusaha mempertahankan kandungan dalam bentuk ingatan jangka panjang dengan menjadikan penguasaan kandungan teks sebagai matlamat utama. Hal ini juga selaras dengan teori pemprosesan maklumat yang menekankan pentingnya usaha mengingat kandungan teks yang dibaca (Woolfolk, 2004). Secara umumnya, pembaca teks akademik akan berusaha untuk mempertahankan pemahaman teks untuk tujuan tugasan dan peperiksaan.

Bayangan Mental

Refleksi semasa membaca yang dilakukan oleh pembaca dapat mengukuhkan kefahaman pembaca. Contohnya seperti dapatan temu bual oleh R1 dan R4;

“saya membayangkan faktor ekonomi dalam teks itu dapat membantu meningkatkan industri kecil.” (R1)

“semasa membaca saya akan memikirkan kesan yang dihadapi oleh bangsa Melayu untuk meningkatkan jati dirinya.” (R4)

Apabila membaca sesuatu konsep yang sukar difahami, pembaca menggunakan kekuatan mindanya untuk membayangkan maksud yang terkandung di dalam teks tersebut. Contohnya responden membayangkan bentuk masyarakat yang akan terbentuk apabila memiliki jati diri yang kukuh (R2, R3, dan R5). Dalam hal ini, pembaca perlu tekal dalam menetapkan maksud teks tersebut ke dalam mindanya. Pembaca juga perlu mahir dalam membayangkan pemahamannya dengan membuat perkaitan makna dengan pengetahuan lalu yang dimilikinya. Sehubungan itu, Larson *et al.* (2004) menekankan kesan

membaca teks dan keupayaan membuat bantahan terhadap kandungan yang tidak sesuai dengan maksud teks yang dibaca. Pembaca yang berkesan, mampu menyatakan pertentangan dari segi makna yang wujud antara pengetahuan lalu yang dimilikinya dengan kandungan teks yang dibaca.

IMPLIKASI KAJIAN

Penyelidik kebanyakannya bersetuju bahawa kesedaran dan pemantauan seseorang terhadap tahap pemahaman merupakan aspek penting dalam kemahiran membaca (Mokhtari dan Reichard, 2002; Pressley dan Afferbach, 1993; Pressley *et al.*, 1995). Dengan menggunakan kerangka Beyer (1982) dan Oxford (1990), pengkaji merumuskan dapatan kajian kepada tiga peringkat pelaksanaan strategi membaca, iaitu peringkat perancangan, pemantauan dan penilaian membaca. Peringkat-peringkat tersebut meliputi pernyataan kesedaran metakognitif yang menekankan strategi yang digunakan semasa membaca.

Pembaca bersedia dengan merancang bacaan supaya maklumat yang ingin diperolehi dapat diakses dengan mudah. Pembaca bebas melakukan proses membacanya dengan matlamat yang mereka tetapkan sendiri. Perancangan yang baik sebelum membaca dapat memberikan landasan yang lebih kukuh untuk membantunya memahami teks yang dibaca. Perancangan membaca teks akademik memerlukan penggunaan strategi metakognitif yang dapat mengurangkan tahap kekecewaan dalam pemahaman membaca (Mokhtari dan Reichard, 2002). Marohaini Yusuf (1999) pula menyatakan bahawa pembaca yang baik dapat merancang pembacaannya dengan mengaitkan skemata yang dimiliki.

Responden kajian menyatakan perancangan sesuai dilakukan jika teks yang dibaca daripada genre kesusasteraan yang banyak melibatkan elemen naratif. Seperti yang dinyatakan oleh Walker (2000), perancangan bacaan perlu melibatkan keperluan untuk menganalisis tajuk, subtajuk, gambaran keseluruhan teks, melihat kesesuaian organisasi teks serta penilaian yang boleh dilakukan terhadap teks.

Responden kajian juga mendapati aspek pemantauan teks dapat memberikan kesan yang lebih mendalam terhadap proses membaca. Pemantauan bacaan meletakkan tugas pembaca semakin mencabar kerana pembaca perlu menganggap dirinya sebagai peneliti yang cekap

bagi menentukan sejauh mana pembacaan yang dilakukan berada pada landasan yang betul (Kobayashi, 2002). Maksudnya, pembaca perlu sedar bahawa proses membaca yang dilaluinya membantu pengecaman maksud teks di samping dapat memberikan klu yang sesuai jika pembaca tidak dapat menguasai teks dengan baik.

Persoalan yang ditimbulkan pada peringkat ini ialah cara pembaca mengukur sejauh mana pemahaman bacaannya berjaya. Pembaca juga akan melakukan aspek penilaian yang juga merupakan unsur penting dalam pelaksanaan strategi metakognitif (Carroll, 2000). Dari perspektif psikologi, Carroll juga menyatakan bahawa pembaca dapat menilai pembacaannya berdasarkan pendedahan yang diberikan semasa pengajaran membaca. Pendedahan yang dilakukan secara berterusan akan membantu pembaca meningkatkan lagi keupayaan untuk memahami teks akademik. Di samping itu, penilaian pemahaman boleh dilakukan sama ada secara lisan ataupun bertulis terutama apabila kemahiran tersebut diajarkan secara formal di dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Proses membaca memerlukan pembaca berfikir secara mendalam tentang perkara yang dibaca untuk tujuan pemahaman yang lebih berkesan. Pembaca perlu memikirkan sama ada ia memahami isi kandungan yang dibaca atau sebaliknya. Hal ini merupakan kesedaran strategi metakognitif yang diwujudkan oleh pembaca dalam usahanya memahami teks. Pembaca juga mampu meningkatkan mutu pemahamannya dengan menggunakan strategi yang difikirkan sesuai dengan kemampuannya. Pemilihan strategi juga dapat membantu pembaca merancang dan seterusnya menilai sejauh mana kemajuan bacaannya. Walaupun strategi yang melibatkan metakognitif dianggap sesuai untuk pembaca yang lebih matang, pendedahan pada peringkat yang lebih rendah juga boleh dilakukan bagi membolehkan mereka meneroka kandungan teks dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- ANDERSON, R.C. (1991). The notion of schemata and the educational enterprise: General discussion of the conference. Dalam Anderson, Richard C., R.J. Spiro dan W.E. Montague (Pytg.) (1984), *Schooling and the acquisition of knowledge*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.

- BERKOWITZ, E. dan CICCHELLI, T. (2004). Metacognitive strategy use in reading of gifted high achieving and gifted underachieving middle school. *Education and Urban Society*, 37(1), 37-57.
- BEYER, B.K. (1987). *Practical Strategies or the Teaching of Thinking*. London: Allyn and Bacon, Inc.
- BOULWARE-GOODEN, R., CARREKER, S., THORNHILL, A. dan MALATESHA, J. (2007). Instruction of metacognitive strategies enhances reading comprehension and vocabulary achievement of third-grade students. *The Reading Teacher*, 61(1), 70-77.
- BROWN, A.L. (1985). Metacognition, the development of selective attention strategies for learning from text. Dalam H. Singer dan R.B. Ruddell (Pytg.), *Theoretical models and process of reading*. Newark DE: International Reading Association.
- CARROLL, B.J. (2000). The analysis of reading instruction: Perspectives from psychology and linguistics. *Scientific Studies of Reading*, 4(1), 3-17.
- CARREKER, S. (2004). *Developing Metacognitive Skills: Vocabulary and Comprehension*. Bellaire, TX: Neuhaus Education Center.
- DAGOSTINO, L. dan CARIFIO, J. (1994). *Evaluative Reading and Literacy*. Boston: Allyn & Bacon.
- DEVINE, J. (1993). The role of metacognition in second language reading and writing. Dalam J. Carson dan I. Leki (Pytg.), *Reading in the composition classroom*. Masseurhusses: Allyn & Bacon.
- DOYLE, M.S. (2001). A course to teach cognitive and affective learning strategies to university student. *Journal Guidance & Counseling*, 16(3), 86-92.
- FLAVELL, J.H. (1976). Metacognitive aspect of problem solving. Dalam L. Resnick (Pytg.), *The nature of intelligence*. Hisdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- FLAVELL, J.H. (1981). Metacognition and cognitive monitoring: A new era of cognitive developmental inquiry. *American Psychologist*, 34, 906-911
- FRANCINE, C. (2002). Toward the new literacy: Changes in college students' reading comprehension strategies following reading/writing projects. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 45(4), 278-289.
- GARNER, R. (1987). *Metacognition and Reading Comprehension*. New Jersey: Ablex.
- GHAZALI MUSTAPHA (1998). An investigation into teachers' questions and task to develop reading comprehension (Tesis PhD., University of Leicester.)
- GOURGREY, A.F. (1998). Metacognition in basic skills instruction. *Journal of Reading*, 26, 81-86.
- HOUTVEEN, A.A. dan GRIFF, W.J. (2007). Effects of metacognitive strategy instruction and instruction time on reading comprehension. *School Effectiveness & School Improvement*, 18(2), 173-190.
- KOBAYASHI, M. (2002). Method effects on reading comprehension test performance: Text organization and response format. *Language Testing*, 19(2), 193-220.
- LARSON, M., BRITT, A. dan LARSON, A. (2004). Disfluencies in comprehending argumentative texts. *Reading Psychology*, 25, 205-224.
- MARZANO, R.J., BRANDT, R.S., HUGHES, C.S., JONES, B.F., PRESSEISEN, B.Z., RANKIN, S.C. dan SUHOR, C. (1988). *Dimensions of Thinking* (pp. 9-16). Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- MCLAIN, V.M., GRIDLEY, B.E. dan MCINTOSH, D. (1991). Value of scale used to measure metacognitive reading awareness. *Journal of Educational Research*, 85(2), 81-87.
- MOKHTARI, K. dan REICHARD, C. (2002). Assessing students' metacognitive awareness of reading strategies. *Journal of Educational Psychology*, 94(2), 249-259.
- MAROHAINI YUSUF. (1999). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- ORMROD, J.E. (1995). *Human Learning*. London: Prentice-Hall.
- OXFORD, R.L. (1990). *Language Learning Strategies*. Boston: Heinle and Heinle Publishers.
- PEARSON, P.D. (1985). Changing the face of reading comprehension instruction. *The Reading Teacher*, 38, 724-738.
- PEVERLY, S.T., BROBST, K.E. dan MORRIS, K.S. (2002). The contribution of reading comprehension ability and meta-cognitive control to the development of studying in adolescence. *Journal of Research in Reading*, 25(2), 203-216.
- PRESSLEY, M. dan AFFLERBACH, P. (1993). *Verbal Protocol of Reading: The Nature of Constructively Responsive*

Reading. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

215-224.

PRESSLEY, M., BROWN, R., EL-DINARY, P. B. dan AFFLERBACH, P. (1995). The comprehension instruction that students need: Instruction fostering constructively responsive reading. *Learning Disabilities Research and Practice*, 10,

WALKER, J. B. (2000). *Diagnostic Teaching of Reading*. New Jersey: Merrill.

WOOLFOLK, A. (2004). *Educational Psychology* (Edisi Ke-9). New York: Pearson.